Jelajah mahasiswa ke Tamu Besar Kota Belud

UB 1.11. 2018 BZ

KOTA BELUD: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menghantar mahasiswa/i UMS ke Tamu Besar Kota Belud pada 27 Oktober yang dianjurkan oleh Pejabat Daerah Kota Belud.

Tujuan jelajah adalah sebagai pendedahan kepada mahasiswa/i UMS melihat pesta-pesta kebudayaan yang ada di Sabah di samping pengetahuan mengenai adat resam budaya suku kaum di negeri ini. Ia termasuklah jelajah ke Tamu Besar Kota Belud.

Pelbagai aktiviti diadakan sempena Tamu Besar Kota Belud di mana, mahasiswa/i UMS berpeluang melihat acara-acara menarik yang diadakan sepanjang tamu besar itu.


Antaranya adalah Pertandingan Photografi, Pertandingan Bertitik, Pesta Makanan Tradisi Kota Belud, Pertandingan Laboh Penjaram Tamu Besar Kota Belud, Pertandingan Masakan Tradisional, Pameran dan Jualan Hasil Kraftangan, Pertandingan dan Pameran Jualan Hasil Masyarakat (pertanian/perikanan/ternakan), Majlis Perasmian Tamu Besar Kota Belud, Persembahan Kebudayaan suku-suku kaum, Pusingan Akhir Pertandingan Ratu Serimpak dan Tanjak Pahlawan, Pameran dan Demonstarsi membuat kuih muih Tradisional, Persembahan Menunggang Kuda Bajau dan Perlawanan Akhir Bola Sepak Piala Pegawai

Daerah.

Mahasiswa/i UMS yang terlibat dalam program itu menyatakan ia adalah satu pengalaman yang menarik kerana berpeluang melihat suasana pesta tamu besar dengan pelbagai acara menarik dan makanan tradisi suku kaum serta adat budaya yang masih menjadi amalan penduduk di daerah Kota Belud.



MAHASISWA bergambar sambil memakai pakaian tradisi Bajau.



JALAN-jalan di Tamu Besar Kota Belud.